

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld. 3 (85)

27 November 2024
25 Jamadilawwal 1446

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 42/2024

PEMAKAIAN GARIS PANDUAN MENGENAI PENGURUSAN DAN TATAKELOLA BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 135 pada 13 September 2024 telah meluluskan pemakaian Garis Panduan Mengenai Pengurusan dan Tatakelola Badan Berkanun Persekutuan (BBP) yang memberi panduan kepada Kementerian Pengawal, Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif dalam memperkemaskan pengurusan BBP dengan memberi penekanan terhadap tanggungjawab Menteri, Kementerian Pengawal, Lembaga Pengarah, pengesanan dan pengawasan BBP, pengurusan kewangan serta peranan Audit Dalam.

2. Pemakaian Garis Panduan ini adalah selari dengan Surat Pekeliling Am Bilangan 5 Tahun 2024 yang menggantikan Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 1998 yang telah dikuatkuasakan pada 21 Julai 1998 berhubung Garis Panduan Mengenai Peranan dan Tanggungjawab Kementerian, Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif dalam Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan.
3. Pemakaian Garis Panduan Mengenai Pengurusan dan Tatakelola Badan Berkanun Persekutuan Tahun 2024 dapat memastikan tatakelola dan akauntabiliti pentadbiran Universiti diuruskan dengan baik dan telus selari dengan ketetapan oleh pihak Kementerian Pengawal serta mengurangkan risiko ketidakpatuhan pentadbiran dan pengurusan Universiti bagi mengekalkan pematuhan standard yang telah digariskan oleh semua Badan Berkanun Persekutuan.
4. Sehubungan dengan itu, semua staf diminta mengambil maklum dan mematuhi garis panduan ini yang berkuat kuasa serta merta. Dokumen penuh garis panduan boleh dimuat turun melalui Portal MyUTM – Policy and Legislative di pautan <https://rdpp.utm.my/Repo>

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)

Pendaftar

- | | | |
|------|---|---|
| s.k. | - | Naib Canselor |
| | - | Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) |
| | - | Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) |
| | - | Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) |
| | - | Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) |
| | - | Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur) |
| | - | Pengarah Kampus UTM Pagoh |
| | - | Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah |